

# UMSKAL anjur program amal di Pulau Banggi

DE 21-7-13 7

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan Program Amal Strategi Lautan Biru di Pulau Banggi, Kudat pada Jumaat lepas.

Turut menyayakan program itu adalah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Labuan, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Udara (PALAPES Udara) UMSKAL, Pejabat DUN N1 Banggi dan Pejabat Daerah Kudat.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata program itu bertujuan untuk meningkatkan tahap keprihatinan kakitangan dan agensi kerajaan bagi meringankan beban masyarakat yang memerlukan bantuan.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ia juga untuk merapatkan hubungan antara UMS dengan masyarakat dan membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Turut diadakan program ziarah Ramadan sempena bulan ini.

"Sebagai usaha murni, kakitangan dan peserta program menabur bakti untuk masyarakat dalam bulan Ramadan dan biarpun berhadapan dengan cuaca panas, ia tidak melunturkan semangat peserta," katanya. Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan 100 unit tilam dan 150 unit kerusi kepada wakil masyarakat Pulau



Banggi, Amir Hamzah.

Peserta program turut mengedarkan buah kurma serta bahan bacaan untuk kegunaan masyarakat termasuk pelajar Pulau Banggi di Kudat.

Sementara itu, Adun Banggi Datuk Abdul Mijul Unaini merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas usaha UMS membantu meringankan beban masyarakat di Pulau Banggi.

Beliau yang diwakili Amir Hamzah berharap sumbangan dan bantuan seperti itu akan merapatkan lagi hubungan antara

UMS dengan pemimpin dan masyarakat Pulau Banggi.

Turut hadir Pengarah JPAM Labuan, Mejar (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacob, Ajutan PALAPES Udara UMSKAL, Kapten Muqlis Badrul Hisham dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Hadir sama Penolong Jurutera Kanan UMSKAL, Mohd Azrie Tanjong, penyelarasa program, Fadzli Sarudi, pegawai dan kakitangan JPAM, PALAPES Udara dan UMSKAL.

DR  
ISMAIL  
(berdiri,  
enam  
kanan)  
bergambar  
kenangan  
dengan  
pegawai  
terbabit  
dalam  
program  
amal itu.